

09 JAN 2003

Keadilan-Harta/I

KEADILAN MAHU MENTERI SABAH ISYTIHAR HARTA KEPADA RAKYAT

KOTA KINABALU, 9 Jan (Bernama) -- Parti Keadilan Nasional (Keadilan) mahu menteri dan pembantu menteri Sabah turut mengisytiharkan harta mereka kepada rakyat bagi membuktikan ketelusan kerajaan negeri.

Pengerusi Perhubungan Keadilan Sabah, Datin Saidatul Badru Tun Said hari ini berkata mereka perlu berbuat demikian ekoran laporan kerajaan negeri menanggung hutang RM1 bilion sejak beberapa tahun lepas.

"Rakyat Sabah mempunyai hak untuk mengetahui sama ada pemimpin mereka berbelanja selaras dengan pendapatan yang diperolehi.

"Nampaknya kedudukan kewangan kerajaan negeri merosot dan hampir muflis. Jadi dalam keadaan sekarang, rakyat ingin mengetahui sama ada terdapat menteri dan pembantu menteri yang hidup mewah hasil kesusahn rakyat," katanya pada persidangan media di pejabat Keadilan di sini hari ini.

Saidatul mendakwa kebanyakan menteri dan pembantu menteri mungkin telah mengisytiharkan harta mereka seperti yang dikehendaki oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad "tetapi mereka masih belum mengisytiharkan harta mereka kepada rakyat Sabah untuk diketahui kedudukan kewangan mereka".

Bagi mencari sokongan kepada parti itu dalam menghadapi pilihan raya negeri akan datang, Saidatul mencabar kerajaan negeri untuk mendedahkan identiti mereka yang didakwa terbabit dalam kes hutang itu.

Katanya pendedahan Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat mengenai isu itu adalah menghairankan sebab kerajaan negeri telah pun berjanji kepada rakyat untuk mentadbir negeri itu dengan baik.

Dalam mendedahkan perkara itu baru-baru ini, Chong berkata hutang RM1 bilion yang ditanggung oleh kerajaan negeri adalah berpunca daripada membelanjakan wang yang ia tidak miliki.

Katanya kerajaan negeri membelanjakan RM500 juta pada 1996 dan RM500 juta lagi pada 1997 dengan menjangkakan ia akan mendatangkan pulangan balik daripada penyenaaraan Sawit Kinabalu Sdn Bhd di Busra Saham Kuala Lumpur, yang tidak menjadi kenyataan.

-- BERNAMA

NT JK HM